

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9352

PERTANYAAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tahanan reman di Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan yang meninggal dunia pada 14.9.2016 iaitu Azri bin Mohamed hanya dibawa ke hospital setelah lebih 5 hari mengalami kesakitan teruk.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan kesihatan seseorang banduan diberikan keutamaan dan tindakan segera untuk memberikan pemeriksaan dan rawatan kesihatan serta rawatan lanjutan akan diambil sekiranya didapati banduan sakit atau mengadu sakit.

Banduan Azri bin Mohamed yang telah meninggal dunia pada 14 September 2016 di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan, sebenarnya telah diperiksa beberapa kali dan diberikan rawatan iaitu pemeriksaan kesihatan semasa kemasukan, pemeriksaan dan rawatan kerana masalah sakit kaki, penempatan di *sick bay* atau wad di klinik penjara untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut kerana masalah sakit kaki, pemeriksaan kesihatan yang mendapati kesihatan beliau stabil dan dikeluarkan dari *sick bay* klinik penjara serta pemeriksaan dan diikuti rawatan lanjut di hospital.

Selepas dikeluarkan dari *sick bay* pada 3 Ogos 2016, dan dari tarikh tersebut hingga 14 Ogos 2016, banduan berkenaan tidak mengadu mengalami apa-apa masalah kesihatan. Malah pemerhatian yang dibuat semasa perjumpaan bersama keluarga pada 10 Ogos 2016 didapati penama boleh berjalan secara normal.

Penama hanya mengadu sakit dan sesak nafas pada 15 Ogos 2016, jam kira-kira 3.07 petang dan terus dibawa ke klinik penjara untuk

pemeriksaan oleh pegawai perubatan penjara. Pegawai Perubatan yang membuat pemeriksaan seterusnya telah mengesyorkan penama dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.

Pengurusan Penjara Pengkalan Chepa Kelantan telah mengambil tindakan segera untuk memastikan banduan berkenaan menjalani pemeriksaan dan rawatan terhadap setiap pemakluman atau aduan berhubung kesihatannya.

Pada 15 September 2016, bedah siasat pertama telah dilaksanakan di Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, manakala bedah siasat kedua di Hospital Kuala Lumpur.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes ini masih dalam siasatan pihak Polis serta Jabatan Penjara sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya dalam siasatan ini.